



4th TECHNOLOGY AND INNOVATION INTERNATIONAL CONFERENCE
TECHON 2018
TECHNOLOGY AND INNOVATION CONFERENCE

4th Technology and Innovation Conference (TECHON) 2018 dengan tema **Managing Transformation In Globalization Of Technology And Innovation** peringkat antarabangsa anjuran Politeknik Mukah dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak dan University College of Technology Sarawak (UCTS) telah berjaya diadakan di Meritz Hotel Miri Sarawak pada **03 - 05 Mei 2018**. **TECHON 2018** ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan mulai tahun 2015 dan telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dari beberapa buah negara luar termasuk Indonesia, Filipina, Nigeria dan lain-lain negara lagi. Sebanyak **71** kertas yang terlibat dalam **Pembentangan Kertas Penyelidikan Akademik/inovasi**.

Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman telah diwakili oleh **Dr. Hjh. Nor Hayati bt. Hj. Mt. Ali** dengan kertas yang dibentangkan bertajuk "**Operasi Tambah, Tolak, Darab dan Bahagi: Satu Kajian Perbandingan Antara Aplikasi D.I.Y Calculator dengan Bahan Maujud dalam Kalangan Murid-murid Prasekolah IPGKDA** dan **Dr Hjh Amani bt Abdullah Mubarak** dengan kertas penyelidikan bertajuk **TIMSS 2011: What Malaysian Schools Really Matter?**

Alhamdulillah dan Tahniah kepada **Dr. Hjh. Nor Hayati bt. Hj. Mt. Ali** kerana dianugerahkan **BEST PRESENTER**. Semoga dengan kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada rakan-rakan di IPG Kampus Darulaman untuk menyertai *conference* seumpamanya pada masa akan datang. Tahniah juga diucapkan kepada **Dr. Hjh. Amani bt Abdullah Mubarak** yang telah berjaya membentangkan hasil penyelidikan beliau.

Ucapan terima kasih kepada pihak pentadbiran IPGKDA dan kepada semua yang terlibat serta memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan *conference* ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Sekian. Terima kasih.

FOTO KENANGAN



